

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1993/94

April 1994

HGM 334 Geografi Penduduk

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan.

1. (a) Bincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi struktur umur penduduk. (10 markah)
- (b) Berdasarkan contoh-contoh khusus, huraikan maklumat-maklumat yang boleh dijelaskan oleh piramid penduduk. (15 markah)
2. (a) Bincangkan perbezaan utama faktor-faktor penurunan kadar kematian di antara negara maju dengan negara membangun. (10 markah)
- (b) Bincangkan pola dan punca-punca kematian di Semenanjung Malaysia sejak tahun 1911 hingga kini. Mengapakan terdapat perbezaan punca kematian dahulu dengan sekarang? (15 markah)
3. (a) Jelaskan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi tahap migrasi di sesebuah negara. (10 markah)
- (b) Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu bincangkan peranan komposisi umur dalam mempengaruhi migrasi. (15 markah)

4. Bincangkan sejauhmana migrasi membawa kepada urbanisasi di bandar-bandar Asia Tenggara sejak 1970.
(25 markah)
5. Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu, bincangkan bagaimana proses penstrukturan semula ekonomi dan modal telah mempengaruhi taburan semula penduduk di negara-negara perindustrian.
(25 markah)
6. (a) Huraikan dua kategori dasar kependudukan menurut Huw Jones (1990).
(10 markah)
- (b) Dengan merujuk kepada sebuah negara membangun, huraikan dasar kependudukan yang telah dilaksanakan sejak negara tersebut merdeka.
(15 markah)

-ooo000ooo-